

26 OCT 1998

Penduduk-bantah

PENDUDUK KAMPUNG BARU BANTAH SIKAP PENYOKONG REFORMASI

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Kira-kira 50 orang penduduk Kampung Baru di sini hari ini mengadakan perhimpunan secara aman untuk membantah tindakan tidak bertanggungjawab penyokong-penyokong gerakan Reformasi di kawasan itu Sabtu lepas.

Wakil penduduk berkenaan, Idris Zakaria, berkata tindakan liar para penyokong reformasi itu menimbulkan kekecohan sehingga menyebabkan para penduduk Kampung Baru berada dalam keadaan gelisah dan ketakutan.

"Kami, yang mewakili seluruh penduduk Kampung Baru, membantah sekeras-kerasnya tunjuk perasaan oleh para penyokong reformasi yang dibuat di kawasan kami khususnya di Masjid Jamek Kampung Baru," katanya pada persidangan berita di Kelab Sultan Sulaiman di sini.

Beliau mengulas perhimpunan haram yang bertukar menjadi rusuhan di Masjid Jamek Kampung Baru pada Sabtu lepas, dengan sebahagian daripada para penyokong reformasi itu bertindak ganas dan bertempur dengan polis mengakibatkan dua anggota polis cedera.

Idris, 53, seorang ahli perniagaan kesal kerana masjid dijadikan platform untuk melakukan keganasan.

"Masjid yang merupakan rumah ibadah tidak boleh dijadikan platform keganasan. Kebiasaan ini bertentangan dengan nilai-nilai suci agama Islam," katanya.

Selain itu para penduduk Kampung Baru juga kecewa kerana kegiatan perniagaan di kawasan itu terjejas dan terganggu akibat kejadian itu, katanya.

Idris mengingatkan pihak penganjur reformasi bahawa tahap kesabaran anak-anak Kampung Baru ada hadnya dan jika harta benda dan keselamatan anak isteri mereka tergugat, tindak balas secara spontan mungkin berlaku.

Sehubungan itu, beliau memohon polis supaya bertindak lebih tegas jika keadaan yang sama berlaku pada masa hadapan.

Turut hadir pada persidangan berita itu ialah pengurus pasukan bola sepak Selangor, Datuk Mokhtar Ahmad.

Mereka juga memasang kain rentang yang tertera perkataan "Jangan ganggu kampung kami. Jangan ganggu masjid kami. Kami nak hidup aman" bagi melahirkan rasa tidak puas hati terhadap tindakan para penyokong gerakan Reformasi.

Selain itu, para penduduk berkenaan turut menyatakan sokongan padu mereka terhadap pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

YAI NAK